

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 7, 2017 9:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Karnival 3K Serlah Bakat Dan Potensi Mahasiswa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



7 MAC 2017 / 8 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KARNIVAL 3K SERLAH BAKAT DAN POTENSI MAHASISWA



UUM ONLINE: Karnival Kebudayaan, Kesenian dan Keusahawanan (3K) yang berakhir malam tadi dilihat berjaya menyerlahkan potensi dan bakat mahasiswa UUM khususnya dalam bidang kesenian dan keusahawanan sepanjang karnival tersebut berlangsung sejak 28 Februari lalu.

Majlis Perasmian Penutup Karnival 3K dan Majlis Anugerah Seni (MASENI) anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) itu telah disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian dan Kebudayaan, Pembangunan Insan Negeri Kedah, Dato' Aminuddin Omar di Dataran Budaya.

Dalam ucapan beliau berkata, UUM berjaya mengangkat tema yang sesuai dengan senario pada masa kini iaitu budaya dan seni yang dijalinkan dengan keusahawanan.

Menurutnya, masyarakat sering melihat budaya dan seni adalah sebagai warisan bangsa tanpa mengambil kira bahawa keusahawanan juga merupakan sebahagian daripada warisan negara.

"Karnival ini secara tidak langsung telah memberi peluang khususnya kepada golongan pelajar untuk menyerlahkan bakat dan potensi masing-masing.

"Berdasarkan penyelidikan dan juga pengalaman mendapati bahawa aktiviti yang berbentuk bukan akademik amat penting dalam mentransformasi potensi, kreativiti, bakat, inisiatif dan tanggungjawab sosial mahasiswa dengan memupuk dan membina pengetahuan yang berkaitan, kemahiran, sikap dan nilai," katanya.

Kata beliau, mahasiswa perlu bijak menggunakan peluang yang ada untuk mendapatkan maklumat dan menanam minat yang mendalam untuk menambah ilmu pengetahuan agar dapat menyesuaikan diri di dalam kampus, di luar kampus dan juga di tempat kerja serta di dalam masyarakat kelak.

Tambahnya lagi, semua orang boleh berjaya selagi adanya usaha dan kejayaan Karnival 3K itu bukan sahaja bertunjangkan kepada kekuatan pegawai pembimbing tetapi bergantung kepada komitmen dan jiwa mahasiswa yang mengukir kejayaan diingini.

"Apa yang jelas selepas mengadakan program seperti ini ialah peningkatan kesedaran warga kampus untuk menghargai jasa-jasa dan sumbangan penggiat seni kepada perkembangan dunia seni di UUM dan juga di Malaysia.

"Saya harap kejayaan yang diperoleh menjadi perangsang untuk terus maju dalam bidang budaya, seni dan keusahawanan, malah menjadi perangsang kepada rakan-rakan yang lain juga," katanya yang turut melancarkan buku bergambar Prestij terbitan PBS yang merakamkan pelbagai konsert anjuran PBS yang berimpak tinggi termasuk Konsert Stanza Cinta di Istana Budaya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim berkata, Karnival 3K memberi ruang kepada pelajar untuk menonjolkan bakat mereka dengan menyertai acara kesenian dan keusahawanan.

Menurutnya, karnival itu juga membuka ruang kepada pelajar antarabangsa untuk mengetengahkan budaya negara masing-masing.

Ujar beliau lagi, kebudayaan dan kesenian yang dimiliki Malaysia boleh menjadi tarikan untuk menarik minat pelajar antarabangsa untuk terus memilih negara ini sebagai destinasi pengajian tinggi mereka.

"Selain itu, untuk semua penerima anugerah diharap pengiktirafan yang diterima ini menjadi pemangkin untuk terus aktif dalam bidang seni budaya pada masa hadapan," katanya.

Pada malam itu, sebanyak 17 anugerah telah disampaikan kepada pemenang termasuk Anugerah Citra Budayawan yang dimenangi Mohd Haziq Mohd Jalil dan Anugerah Citra Budayawati oleh Nurul Syamimi Rashid serta Anugerah Citra Badan Budaya Terbaik dimenangi Kelab Teater Warna.

Selain itu, Anugerah Khas Citra dimenangi Ahmad Saukat Ahmad dan Anugerah Citra Jasa Bakti dimenangi Bahiyah Idris dari UNIFILM bersama Prof Madya Dr Salmah@Selamah Ayob.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kayu Hitam, Dato' Ahmad Zaini Japar dan pegawai-pegawai kanan UUM.

Sepanjang karnival berlangsung, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti ceramah perdana, kempen derma darah, bengkel gubahan hantaran, kaunter Jabatan Pendaftaran Negara, Rock Night, Sintok King Chef dan Pertandingan Malam Bintang Utara.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.